

03 OCT 2002

Mahathir-Amerika

LAYANAN AMERIKA KEPADA ABDULLAH SATU TREND TIDAK SIHAT, DR MAHATHIR

MELAKA, 3 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata layanan pegawai Amerika Syarikat di Lapangan Terbang di negara itu terhadap Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi pada bulan lepas adalah satu trend yang tidak sihat.

Perdana Menteri berkata walaupun beliau juga pernah berhadapan dengan pegawai Amerika Syarikat yang bersikap keras "tapi bila berlaku pada Abdullah ini adalah satu trend yang tidak sihat sampai tidak menghormati orang sama sekali."

Abdullah pada 15 Sept lepas terpaksa membuka kasutnya untuk tujuan pemeriksaan di Lapangan Terbang Los Angeles ketika dalam perjalanan ke New York untuk menghadiri perhimpunan agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

Menyentuh kenyataan Kedutaan Amerika Syarikat yang melahirkan rasa kesal terhadap kesulitan dan layanan tidak wajar terhadap Dr Mahathir dan Abdullah dalam lawatan ke negara mereka, beliau berkata kenyataan itu sudah memadai baginya.

"Cukuplah. Bagi saya memadai. Saya pun tidak sebut perkara ini sehingga apa yang berlaku kepada Abdullah," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam ke-3 di Tanjung Kling di sini.

"Kita tidak buat bantahan apa pun, itu negara orang," kata Dr Mahathir.

Menyentuh pengalamannya berhadapan dengan sikap kasar pegawai Amerika semasa pesawat eksekutif Malaysia tiba di New York dalam perjalanan Ke Washington, Dr Mahathir berkata: "Saya pergi ke Amerika sudah lama. Takkan saya nak bawa bom dalam private jet kerajaan."

Pada kejadian itu pegawai Amerika itu yang menaiki pesawat eksekutif kerajaan Malaysia dengan keras berkata tidak ada siapa yang boleh bergerak sehingga kesemua rakyat Malaysia diperiksa.

Kedutaan Amerika Syarikat semalam dalam kenyataan akhbaranya menyatakan rasa kesal terhadap kesulitan dan layanan tidak wajar terhadap Dr Mahathir dan Abdullah dalam lawatan mereka ke negara itu baru-baru ini.

Selain Dr Mahathir dan Abdullah, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan beberapa pegawai tinggi kerajaan, dilaporkan turut mengalami pengalaman buruk di lapangan terbang di Amerika.

-- BERNAMA

AFY HK AHH NMO